

**KKR MEMBUAT PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI
35 PROJEK DI NEGERI KELANTAN BERNILAI RM15.98 JUTA**

GUA MUSANG, KELANTAN – Hari ini telah berlangsung Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Projek-Projek di Negeri Kelantan. Penyerahan SST ini melibatkan 35 projek dengan anggaran nilai projek keseluruhan sebanyak RM15.98juta. Yang Berbahagia Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kerja Raya, Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah telah hadir bagi menyempurnakan majlis penyerahan SST hari ini.

35 penyerahan SST ini melibatkan projek bangunan, projek infrastruktur keselamatan jalan raya dan juga perkhidmatan. Senarai projek yang terlibat adalah seperti berikut:

- Pembinaan Dewan Terbuka Untuk Pejabat Daerah Pertahanan Awam, Gua Musang dengan kos sebanyak RM1.68juta.
- Menaiktaraf Infrastruktur Kampus Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli dengan kos sebanyak RM6.06juta.
- 8 Kerja Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan/Berisiko Kemalangan Akibat Jalan Gelap dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.3juta.
- 25 projek lain melibatkan kerja-kerja penyenggaraan di sekitar jajahan negeri Kelantan.



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM3.8 bilion untuk membiayai pelbagai projek infrastuktur di negeri Kelantan.

Penyerahan SST bagi projek – projek yang tersenarai hari ini menunjukkan komitmen padu Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pembangunan infrastruktur di negeri Kelantan diberikan perhatian padu demi ke arah kesejahteraan rakyat. Ini juga adalah selaras dengan misi utama dan objektif Kerajaan Persekutuan untuk mempromosikan keseimbangan di antara wilayah dan merentangi ekonomi seimbang di antara bandar dan luar bandar. Menerusi projek – projek infrastruktur ini akan memberi banyak manfaat serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi rakyat di negeri Kelantan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

27 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📍 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](#) 📢 [@MOWORKS](#) 📺 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur